

SAMPLE QUESTION PAPER (2022-2023)
SUBJECT CODE-099
CLASS: X

Markah: 80
Jam

Masa: 3

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D**.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **Soalan 1** yang mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii)**. Anda wajib untuk menjawab semua bahagian tersebut.
3. **Bahagian B** terdiri daripada **Soalan 2** yang mengandungi dua bahagian, iaitu **(i) dan (ii)**. Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.
4. **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 3, 4, dan 5** yang mengandungi 20 soalan tatabahasa. Jawab semua soalan.
5. **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 6, 7, 8, dan 9**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.
6. Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (40 minit), C (40 minit), dan D (30 minit)**.
7. Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
8. Anda diberi masa **15 minit** untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
9. Kertas soalan ini mengandungi **20 muka surat** sahaja.

Bahagian A
(15 Markah)

SOALAN 1

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.
(5 Markah)

Pengumuman

Kepada Semua Ahli Kelab Rakan Siber Program Anak Angkat Sarawak

Kelab Rakan Siber, Sekolah Menengah Kebangsaan Petrajaya, Kuching, Sarawak, telah **mempelawa** ahli kelab untuk melawat ke Kuching. Mereka telah mengatur pelbagai rancangan semasa ahli kelab berada di sana. Antara rancangan tersebut termasuk melawat ke Kampung Budaya, Muzium Sarawak, Muzium Islam, Muzium Kuching, Kubu Margherita, Pasar Minggu dan Taman Negara Bako. Anda akan bersama-sama dengan keluarga angkat semasa di sana.

Bayaran Penyertaan : RM 850.00 sahaja

RM 500 perlu dibayar sebagai wang pendahuluan semasa menghantar borang penyertaan, jika permohonan diterima. Baki bayaran hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya dua minggu dari tarikh lawatan.

Tarikh tutup penyertaan	: 15 MAC 2003
Tempoh program	: 4 Jun hingga 10 Jun 2003
Sila hubungi	: Syahida Abdul Rahman, Setiausaha Kelab Rakan Siber, SMK Alam Megah, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Telefon	: 03-50149623
E-mel	: smkslsmm@tm.net.my

1. Siapakah penganjur utama Program Anak Angkat Sarawak?
- A. Setiausaha Kelab Rakan Siber, SMK Alam Megah
 - B. Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah
 - C. Sekolah Menengah Kebangsaan Petrajaya
 - D. Kelab Rakan Siber , Sekolah Menengah Kebangsaan Petrajaya

2. Berikut merupakan tempat-tempat yang bakal dilawati oleh pelajar-pelajar yang mengikuti Program Anak Angkat Sarawak, **KECUALI**
- A. Kampung Budaya
 - B. Kubu Margherita
 - C. Muzium Islam
 - D. Taman Negara Kampung Budaya
3. Perkataan **mempelawa** dalam petikan bermaksud
- A. mengundang
 - B. mengusir
 - C. menghalau
 - D. menolak
4. Pilih pernyataan yang **BENAR** berdasarkan petikan di atas.
- I. Pembayaran pendahuluan program ini adalah sebanyak RM 850.00.
 - II. Borang pendaftaran perlu dihantar selewat-lewatnya pada 15 Mac 2003.
 - III. Untuk sebarang pertanyaan boleh menghubungi Setiausaha Kelab Rakan Siber SMK Petrajaya.
 - IV. Program ini akan berlansung selama 7 hari 6 malam.
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. III dan IV sahaja
 - D. II, III, IV sahaja
5. Bilakah Program Anak Angkat Sarawak akan diadakan?
- A. 15 Mac – 10 Jun 2003
 - B. 4 Jun – 10 Jun 2003
 - C. 15 Mac – 4 Jun 2003
 - D. 4 Mac – 10 Mac 2003

- (ii) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Belian Kayu Bernilai

Sabah dan Sarawak mempunyai kawasan hutan yang amat luas. Hutannya meliputi lebih daripada separuh keluasan kedua-dua negeri itu. Pelbagai flora dan fauna yang amat berharga tersimpan di hutan ini. Satu daripadanya ialah pokok belian.

Poko belian banyak terdapat di Sabah dan Sarawak. Pokok ini tidak ditemukan di Semenanjung Malaysia. Pokok belian mempunyai beberapa nama. Masyarakat Sabah menamai pokok ini sebagai tambulian manakala orang Eropah mengenalinya sebagai Borneo Ironwood. Pokok belian tergolong dalam family Lauraceae.

Pokok kayu belian mudah dikenali. Pokok ini berbatang lurus dengan ketinggian mencapai 40 meter. Diameter pokok ini mencecah 150 sentimeter. Buahnya amat keras dan rupanya pula menyerupai batu. Kulit luar buah kayu belian ini amat tebal.

Gubal kayu belian berwarna kuning cerah manakala terasnya berwarna coklat muda. Keadaan ini memudahkan seseorang membezakan bahagian gubal dengan bahagian teras. Bagaimanapun, kayu ini akan berubah warna apabila terdedah kepada cahaya matahari. Tekstur kayu ini pula halus. Kebanyakan iranya lurus dan sebahagian kecil sahaja yang bersimpul-simpul.

Kayu belian adalah antara kayu yang terkeras di dunia. Kayu ini juga diakui sebagai kayu yang paling tahan di dunia. Permukaan kayu ini licin sekali. Kayu ini sangat sukar diawet, malah sukar juga untuk dikeringkan. Walaupun begitu, kayu ini mudah diukir.

Dengan sifatnya yang sedemikian, kayu belian sesuai dijadikan bot. Hal ini demikian kerana bot yang diperbuat daripada kayu ini sukar bocor walaupun terendam di dalam air atau terlanggar kayu. Kayu ini juga menjadi pilihan utama untuk membuat dermaga dan cerucuk di pantai.

Kayu belian juga sesuai dijadikan bahan pembinaan rumah. Lantai rumah yang diperbuat daripada kayu ini amat tahan lasak. Selain itu, kayu ini juga sesuai untuk dibuat siling rumah. Siling ini akan kelihatan licin dan berkilat. Ada juga pembuat rumah yang menjadikan kayu ini sebagai atap dan tiang pagar rumah.

Kesimpulannya, kayu belian ialah **khazanah** hutan Sabah dan Sarawak yang amat bernilai. Keistimewaan kayu ini tersebar hingga Eropah. Oleh itu, semua pihak yang bertanggungjawab terhadap hutan di Sabah dan di Sarawak perlu memastikan spesies ini terpelihara untuk tujuan komersial dan untuk generasi akan datang.

6. Apakah nama lain pokok kayu belian yang diberikan oleh orang masyarakat Sabah?
- A. Borneo Ironwood
 - B. Lauraceae
 - C. Tambulian
 - D. Borneo Tambulian
7. Berikut merupakan keistimewaan pokok kayu belian, **KECUALI**
- A. Kayu belian berupaya berubah warna pada cahaya matahari.
 - B. Kayu belian merupakan kayu kedua terkeras di dunia.
 - C. Bot yang diperbuat daripada kayu belian sukar bocor.
 - D. Kayu belian sesuai untuk pembinaan rumah seperti lantai, siling, atap, dan tiang pagar.
8. Perkataan khazanah dalam petikan membawa maksud...
- A. kemudahan
 - B. aset
 - C. fasiliti
 - D. tanah
9. Antara berikut, yang manakah ciri-ciri pokok kayu belian?
- I. Pokok belian mempunyai ketinggian 40 meter dan berbatang lurus.
 - II. Buah kayu belian mempunyai kulit luar yang amat tebal.
 - III. Pokok belian mempunyai tekstur yang sangat halus.
 - IV. Ira kayu pokok belian kebanyakannya tersimpul-simpul.
- A. I, II, dan III
 - B. I, II, dan IV
 - C. I, III, dan IV
 - D. II, III, dan IV
10. Pilih pernyataan yang **BENAR** berdasarkan petikan di atas.
- A. Pokok belian amat terkenal di Semenanjung Malaysia, Sabah, dan Sarawak.
 - B. Buah pokok kayu belian amat lembut.
 - C. Kayu pokok belian sukar untuk diawet tetapi mudah kering dan diukir.
 - D. Kayu pokok belian sesuai untuk membuat dermaga dan cerucuk di pantai.

(iii) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

LAPORAN MELAWAT SAMBIL BELAJAR KE SELANGOR

Pada 16 Februari yang lepas, seramai 40 orang ahli Persatuan Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah, Shah Alam, Selangor, telah melawat ke beberapa tempat bersejarah di Selangor. Kami diiringi oleh dua orang guru lelaki dan dua orang guru perempuan.

Kami berkumpul di pekarangan sekolah pada pukul 7:30 pagi dan bertolak pada pukul 8:30 pagi. Kami tiba di Bandar Klang pada pukul 9:00 pagi. Tempat yang mula-mula kami lawati ialah Gedung Raja Abdullah. Gedung ini pernah menjadi Muzium Timah berdasarkan kejayaan Raja Abdullah memajukan perlombongan bijih timah di Klang.

Pada masa itu, Klang menjadi pusat perdagangan bijih timah yang penting. Bangunan satu blok ini mempunyai dua tingkat yang dibina berdekatan dengan Sungai Klang. Bumbung bangunan ini pula mempunyai dua lapis.

Dari Gedung Raja Abdullah, kami melawat ke Kota Raja Mahadi. Kota itu terletak di atas bukit yang berhampiran dengan Sungai Klang. Kota yang menyerupai pintu gerbang itu diperbuat daripada batu dan daun pintunya daripada kayu. Di dalam kota itu terdapat makam Allahyarham Mohamad Akib, ketua orang Bahra yang menjadi pahlawan Raja Mahadi. Beliau telah **terkorban** dalam peperangan antara Raja Mahadi dengan Raja Abdullah pada tahun 1866. Raja Mahadi dan tenteranya berkubu di kota itu, manakala Raja Abdullah berkubu di kawasan gedung. Setelah berada di sana lebih kurang setengah jam, kami pun menaiki bas untuk meneruskan lawatan.

Pada pukul 12:00 tengah hari, kami tiba di Istana Bandar, Jugra, Selangor. Istana ini menjadi tempat bersemayam Sultan Abdul Samad, iaitu Sultan Selangor yang keempat. Reka bentuk istana tersebut amat menarik. Setelah puas melawat di sekitar istana itu, kami melawat ke Masjid Jamik, Kampung Bandar. Reka bentuk masjid ini amat menarik.

Selepas itu, kami menghala ke Pantai Morib dan tiba di Banting pada pukul 2:00 petang. Kami membuka bekalan makanan dan makan dengan berselera sekali. Setelah puas berehat dan bermandi-manda kami bertolak pulang ke sekolah. Kami tiba di sekolah pada pukul 6:00 petang.

Sesungguhnya, lawatan ini banyak memberikan pengetahuan tentang sejarah Selangor kepada kami. Kami berharap lebih banyak tempat bersejarah di Selangor dapat kami lawati pada masa akan datang.

Laporan disediakan oleh,

20 Februari 2003.

Khairi

(KHAIRI BIN KAMARUZAMAN)

Setiausaha Persatuan Sejarah,
Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah,
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

11. Siapakah yang telah membuat lawatan ke Selangor pada 16 Februari 2003?
- A. Encik Khairi bin Kamaruzaman
 - B. Guru Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah
 - C. Ahli Persatuan Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah
 - D. Setiausaha Persatuan Sejarah Sekolah Menengah Kebangsaan Alam Megah
12. Di manakah pusat pemerintahan Sultan Abdul Samad?
- A. Istana Bandar, Jugra
 - B. Bandar Klang
 - C. Banting
 - D. Kampung Bandar
13. Berikut merupakan kata yang mempunyai maksud yang sama dengan perkataan terkorban, **KECUALI**
- A. kalah
 - B. mati
 - C. menang
 - D. gagal
14. Antara berikut, apakah tempat-tempat yang telah dilawati oleh ahli Persatuan Sejarah SMK Alam Megah?
- I. Masjid Jamik
 - II. Istana Jugra
 - III. Pantai Morib
 - IV. Sungai Klang
- A. I, II, dan III
 - B. I, II, dan IV
 - C. I, III, dan IV
 - D. II, III, dan IV
15. Pilih pernyataan yang **TIDAK BENAR** berdasarkan petikan di atas.
- A. Lawatan ini diikuti oleh 40 orang pelajar dan empat orang guru.
 - B. Allahyarham Mohamad Akib telah terkorban dalam pertempuran antara Raja Mahadi dan Raja Abdullah.
 - C. Kota Raja Mahadi terletak di atas bukit berhampiran Sungai Klang.
 - D. Pelajar menjamu selera di Masjid Jamik pada pukul 2:00 petang.

Bahagian B
(20 Markah)

SOALAN 2

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **tentang kesan-kesan akibat kegiatan buli**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

(10 Markah)

Isu buli bukanlah isu yang baharu dalam kalangan masyarakat. Kegiatan buli bukan sahaja berlaku di sekolah malahan berlaku dalam mana-mana institusi seperti istitusi pengajian tinggi, swasta dan kerajaan. Isu buli ini perlu diselesaikan melalui pendekatan kolektif. Semua pihak perlu berganding bahu bagi memastikan gejala ini tidak terus menjadi isu yang serius. Malangnya, apabila setiap kali menyelak akhbar atau menonton televisyen, masyarakat disajikan dengan isu buli di sana sini. Senario sebegini akan membawa impak yang besar kepada pembangunan negara Malaysia yang maju dan bertamadun. Malahan, modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang sebagaimana yang diimpikan dalam wawasan perdana tidak dapat direalisasikan.

Dalam satu kajian, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan gejala buli terjadi, iaitu isu pembuli berasa puas apabila berjaya menyakiti mangsa secara lisan atau fizikal. Malahan, kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan mereka yang terlibat dengan kes buli ini tidak mempunyai hubungan kekeluargaan yang kukuh dengan ibu bapa. Sebaliknya, kebanyakan mereka datang daripada hubungan kekeluargaan yang tidak mengambil berat akan didikan agama. Budaya buli jika dijadikan kelaziman akan menyebabkan mangsa mengalami gangguan mental dan fizikal secara berterusan. Isu buli jika tidak ditangani dengan bijaksana maka dapat merencatkan pembangunan kerajaan terutama dalam menyemai moral yang luhur.

Realitinya, perbuatan buli sehingga menimbulkan keganasan di luar batasan kemanusiaan perlu ditentang. Hal ini demikian kerana tindakan si pembuli akan mencemarkan imej negara di mata dunia. Justeru, negara akan gagal melahirkan suatu bangsa yang berjiwa merdeka jika gagal mengatasi gejala buli daripada terus berleluasa. Yang lebih ditakuti ialah budaya buli akan menjadi suatu budaya yang diwarisi daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Oleh itu, anak-anak kita juga akan menghadapi kesukaran untuk menimba ilmu kerana wujudnya persekitaran yang tidak membantu mereka untuk belajar dalam suasana yang kondusif dan aman.

Tiada gunanya negara mampu melahirkan masyarakat yang bijak pandai dalam pelbagai bidang, sedangkan sahsiah mereka berada pada tahap yang paling rendah. Oleh itu, setiap program atau garis panduan yang bakal dibuat untuk menangani masalah buli perlu dipantau dengan lebih konsisten oleh pihak yang berkenaan agar masalah ini tidak mengganggu kelancaran agenda pembangunan yang disusun oleh kerajaan.

(Sumber: Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana, “Budaya Buli Sepatutnya Sudah Berlalu”, Utusan Malaysia, Februari 2007)

- (ii) Tulis sebuah karangan tentang **salah satu** daripada perkara di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)

- (a) Sebagai wakil penduduk, anda tidak puas hati dengan keadaan jalan raya yang berlubang-lubang. Anda ingin mengadukan hal tersebut kepada pihak berkuasa tempatan.

Tulis surat tersebut selengkapnya.

ATAU

- (b) Hobi merupakan aktiviti yang dilakukan pada masa lapang. Tulis sebuah karangan tentang faedah mempunyai hobi.

Tulis karangan anda selengkapnya.

Bahagian C
(20 Markah)

SOALAN 3

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

(5 Markah)

- i. dari / menanggis / pagi hingga petang. / Bayi / asyik / yang comel itu

- ii. yang / Perkhidmatan / miskin. / bas sekolah / pelajar / untuk /
percuma / disediakan / hanya

- iii. selama tiga tahun. / untuk / Rakyat / di / dipaksa / pelitup muka /
dunia / memakai / seluruh

- iv. tubuh badan / berupaya / yang sihat. / dan / berbasikal / lemak /
Aktiviti / mengurangkan / memberikan

- v. akibat / oleh pihak / pada waktu petang / daripada / jalan raya / polis
trafik. / Kesyakan jalan raya / sekatan

SOALAN 4

Pilih jawapan yang paling tepat.

(10 Markah)

1. “_____ tidak datang ke latihan sukan semalam, mengapa?” tanya Shara kepada Rita dan Shereena.
A. Mereka
B. Kalian
C. Kamu
D. Kita
2. “Ampun _____, bolehkah _____ mengiringi mereka ke sana?” tanya Tuah kepada Sultan Mahmud Shah.
A. beta...hamba
B. baginda...hamba
C. yang mulia...beta
D. tuanku...patik
3. Dia berasa keberatan _____ meninggalkan keluarganya di kampung.
A. demi
B. bagi
C. sejak
D. untuk
4. “Yang menemui Cikgu Masitah itu _____ ibu saya tetapi ibu Susila Dewi,” kata Rani kepada Norlia.
A. tidak
B. agaknya
C. bukan
D. harus
5. Puan Melisa menjerit apabila rantai lehernya _____ oleh dua orang pemuda yang bermotosikal.
A. diragut
B. dirampas
C. disambar
D. diambil

6. Setiap hari, Amirul diberi _____ sebanyak RM 2 oleh ayahnya sebelum ke sekolah.
- A. wang saku
 - B. wang hantaran
 - C. wang kopi
 - D. wang upah
7. Lampin adik berbau _____ kerana dia telah kencing.
- A. hapak
 - B. hanyir
 - C. kering
 - D. haring
8. Pegawai Pelajaran Kota Bharu menyampaikan hadiah _____ para pelajar.
- A. untuk
 - B. pada
 - C. kepada
 - D. ke
9. Mei Hwa menonton televisyen _____ menunggu kek yang dikukusnya masak.
- A. semenjak
 - B. manakala
 - C. sementara
 - D. biarpun
10. Ayah menghadahi kakak _____ anting-anting emas sempena ulang tahun hari lahir.
- A. seutas
 - B. se bentuk
 - C. sepasang
 - D. sebuah

SOALAN 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai untuk mengisi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- ✓ mahal seperti belian
- ✓ indah khabar daripada rupa
- ✓ putus rezeki
- ✓ gigi dengan lidah ada kalanya tergigit juga
- ✓ bagai melepas batuk di tangga

1. Persengketaan antara Swee Lin dan abangnya itu merupakan perkara biasa kerana _____.
2. Sejak medan selera itu ditutup, banyaklah pegerai yang _____.
3. Apabila kami tiba di pulau peranginan itu, barulah kami tahu bahawa apa-apa yang diperkatakan oleh Kamal hanyalah _____.
4. Harga pakaian di butik ini _____.
5. “Kerja ini tidak akan siap sekiranya kamu bersikap _____”, kata ibu kepada abang.

Bahagian D
(25 Markah)

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

SOALAN 6

Baca seloka di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan berikutnya.

(5 Markah)

SYAIR BURUNG NURI

Bermula warkah surat rencana.
Ikatan fakir yang sangat hina.
Sajak dan nazam banyak tak kena.
Daripada pendapat kurang sempurna.

Gerangan sungguh amatlah leta.
Perinya akal gelap-gelita.
Hemat pun rendah daif berserta.
Tambahan badan miskin dan nista.

Beribu ampun kiranya tuan.
Atasnya hulu fakir nistawan.
Daripada masyghul gundah merawan.
Terperilah madah patik nin tuan.

Dituliskan sahifah supaya nyata.
Barang yang ghairah di dalam cinta.
Terfikir-fikir bukan menderita.
Dakwat dan kertas tempat berkata.

Sudahlah nasib untung yang malang.
Mengambah tautan berulang-ulang.
Mudaratnya bukan lagi kepalang.
Senantiasa di dalam nasib dan walang.

Hanyutlah badan ke sana ke mari.
Segenap pesisir desa negeri.
Bertambahlah pula sonan dan negeri.
Santap nan tidak minum pun kari.

Bangun terjunun badan suatu.
Gundahlah fikir tiada tertentu.
Laksana cermin jatuh ke batu.
Remuk dan redam hancur di situ.

Remuk dan redam rasanya hati.
Lenyaplah fikir budi pekerti.
Ikalau kiranya hamba turuti.
Daripada hidup sebaiknya mati.

(Mohd Yusof Md Nor dan Dr. Abd.
Rahman Kaeh
Pusisi Melayu Tradisi 1996
Fajar Bakti Sdn. Bhd.)

1. Apakah tema yang tepat bagi puisi ini?

- A. Adab dalam mengatasi masalah
- B. Adab ketika makan
- C. Adab ketika bersama-sama dengan seseorang
- D. Adab dalam kehidupan seseorang

2. Berapakah bilangan rangkap dalam puisi ini?
- A. 6 rangkap
 - B. 8 rangkap
 - C. 7 rangkap
 - D. 9 rangkap
3. Berikut merupakan persoalan yang terkandung dalam puisi ini, KECUALI
- A. kepentingan memiliki ilmu pengetahuan dan berakhlak mulia
 - B. kekecewaan yang boleh merosakkan kehidupan seseorang
 - C. rasional dalam bercinta
 - D. kebijaksanaan dalam mengawal diri ketika bercinta
4. Berikut merupakan bentuk dan ciri-ciri puisi, KECUALI
- A. terdiri daripada lapan rangkap
 - B. berisi empat baris dalam setiap rangkap
 - C. bentuknya tidak terikat
 - D. semua baris merupakan maksud
5. Apakah rima akhir bagi puisi ini?
- A. a-a-a-a
 - B. a-b-c-d
 - C. a-b-a-b
 - D. b-b-b-b

SOALAN 7

Baca sajak di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

PESAN IBU BERIBU-RIBU

- 1 Kita ada ibu
Ibu kita satu
Pesanannya beribu-ribu.
- 2 Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu
“Buat begini jangan begitu
bacalah buku selalu
kukuhkan diri dengan ilmu
pilihlah kawan yang mulia hati
tolaklah kawan pementing diri
pilihlah kawan yang punya petunjuk
tolaklah kawan bertabiat buruk.”
Ibu yang satu menyekat kita di pintu
bertanya ke mana arah tuju
“Jagalah diri selalu
di luar sana mungkin bencana menunggu.”
Kita menjadi jemu
mendengar pesanan beribu-ribu
tapi ibu tetap ibu
pesanan bertambah satu dan satu
“Jangan dibiarkan kepada berkutu
carilah ubat jerawat batu.”
- 3 Suatu senja
seorang temanku merintih
kerana kehilangan kekasih
kini baru disedarinya
pilihan musang berbulu arnab
biarpun menyamar cekap
ada masa termasuk perangkap
Si Bedul sudah ditangkap
Si Bedul di dalam lokap.

4 Dia menyatakan kesalnya
kerana dia alpa
ibunya berpesan sejak dulu
“Pilihlah kawan yang bermutu
Jangan dipilih kawan berhantu.”
Mengenangkan nasib temanku itu
Aku merindui pesanan ibu.
Ya, pesanan ibu.

5 Ibu,
Kuyakini kau mengenali
yang mana permata, yang mana kaca
yang mana budaya, yang mana buaya
berilah pesanan beribu-ribu
malah berpuluh ribu
aku tidak akan jemu
ini janjiku kerana aku tahu
sempurna seorang ibu
dengan pesanan beribu-ribu.

Rahman Shaari
Anjong Deklamator, 2005
Pekan Ilmu Publications.

- i. Berdasarkan rangkap kedua sajak, nyatakan satu pesanan ibu kepada anaknya semasa memilih kawan? (1 markah)

- ii. Berikan dua persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. (2 markah)

iii. “Sahsiah diri cerminan keperibadian seseorang remaja”

Pada pendapat anda, apakah usaha yang boleh anda lakukan untuk membentuk sahsiah diri yang mulia? (2 markah)

SOALAN 8

Baca petikan prosa di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(9 markah)

Maka ia pun bertemu dengan tempat orang membuang sampah di tengah jalan raya itu. Maka ia pun berhentilah di situ. Maka dicarinyalah di dalam sampah yang bertimbun-timbun itu barang yang dapat dimakan. Maka dengan takdir Allah Taala maka bertemulah ketupat sebiji basi dengan buku tebu. Maka dimakannya tebu itu, maka segar sedikit rasa tubuhnya kerana beberapa hari lamanya tiada merasai nasi. Hendak meminta ke rumah orang tidak berani. Usahkan diberi orang hampir pun tiada boleh. Demikian halnya Si Miskin itu.

Maka hari pun petanglah. Maka Si Miskin itu tiada undur di situ lagi. Di sanalah ia tidur. Maka hari pun sianglah. Maka pagi-pagi hari maka Si Miskin pun pergi berjalan dua laki isteri maka bertemulah dengan orang. Maka dilihatnya Si Miskin itu segera mereka mengambil kayu. Maka dilontarnya dan dipalunya Si Miskin dua laki isteri itu. Maka ia pun larilah membawa dirinya dengan berlumuran darah. Maka kata isterinya, “Wahai kakanda, sangatlah rasa tubuhku tiada berdaya lagi, hancurlah segala anggotaku.”

Maka terlalu belas rasanya hati suaminya melihat laku isterinya maka ia pun turut menangis seraya mengambil daun kayu, dimandikannya maka disapunya seluruh tubuh isterinya sambil berkata, “Diamlah tuan, jangan menangis. Sudahlah untung kita ini rupanya.” Maka isterinya pun diamlah.

(Dipetik daripada prosa tradisional “Bahagia Sesudah Derita” dalam antalogi Bintang hati, Tingkatan 3, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- i. Berdasarkan petikan prosa di atas, mengapakah Si Miskin tidak berani ke rumah orang untuk meminta makanan? (3 markah)

- ii. Berikan dua persoalan yang terdapat dalam petikan prosa tersebut. (3 markah)

- iii. Sifat belas kasihan sudah semakin terhakis dalam kalangan masyarakat dewasa ini. Pada pendapat anda, mengapakah perkara tersebut berlaku? (3 markah)

SOALAN 9

Berdasarkan kajian Antologi Bintang Hati, huraikan dua perwatakan dan satu latar masyarakat yang terdapat dalam cerpen “*Sekeping Tanah*”.

(6 Markah)

This image shows a blank sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

KERTAS SOALAN TAMAT